

Penerbitan buku terus bertahan

B.H. m/s 9 18.10.07

Oleh Dr Hamed Mohd Adnan

PENERBITAN bercetak, khususnya buku adalah kunci dalam pembentukan dan penyebaran ilmu kerana buku, penerbitan berkala dan bahan bacaan lain adalah nadi kepada sistem pendidikan dan pembentukan budaya bangsa.

Buku mempunyai peranan besar dalam pengembangan kebudayaan dan pembangunan negara. Kemajuan sesebuah negara dan masyarakat biasanya berlandaskan khazanah penerbitan yang kukuh. Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa tanpa kegiatan buku aktif, kemajuan masyarakatnya tidak berkekalan. Sebaliknya, industri buku mantap mempengaruhi ketinggian dan pembinaan tamadun.

Untuk membina tamadun sesebuah bangsa, penerbitan perlu dikembangkan dan dimajukan, khususnya dalam bahasa masyarakat itu sendiri. Bahasa peribumi haruslah diperkuat sebagai prasarana untuk mengembangkan budaya dan tamadun pengguna bahasanya.

Dalam konteks nusantara, bahasa yang mantap kedudukannya adalah bahasa Melayu. Justeru, pembinaan tamadun menerusi penerbitan perlu berasaskan bahasa berkenaan.

Dalam semua bentuk aktiviti sesebuah negara, buku memainkan peranan begitu penting. Pengeluaran dan pemerolehan buku perkapita menyediakan indeks yang sahih terhadap ekonomi dan pembangunan sosial sesebuah negara.

Atas sebab itulah pandangan bahawa pembangunan negara selari dengan tahap industri buku negara itu masih dapat dipertahankan. Kemajuan industri buku memang mempunyai hubungan yang rapat dengan kemajuan sesebuah negara.

Lima negara yang menghasilkan jumlah judul buku paling besar, iaitu Amerika Syarikat, Jerman, Jepun, Britain dan Perancis adalah negara yang maju dari segi ekonomi. Atas dasar inilah seorang ahli penerbitan Jepun, Shigeo Minowa berpendapat bahawa 'kemajuan penerbitan sesebuah negara menjadi indeks terhadap kemajuan ekonominya'.

Buku mempunyai kelebihan berbanding alat komunikasi lain, yang hanya menjadi penokok kepada buku, bukannya pengganti. Walaupun radio dan televisyen dapat menarik lebih ramai penonton daripada buku, namun harganya lebih mahal.

Pengetahuan yang diperoleh secara eksklusif menerusi media segera seperti radio dan televisyen adalah bersifat sementara dan tidak mendalam.

Dalam pembangunan sosial, peranan buku lebih tersingkap memandangkan buku mampu menjadi wahana yang bebas dalam menyatakan perasaan dalam lingkungan masyarakat demokrasi. Malah golongan minoriti dalam sesuatu masyarakat juga dapat menyatakan pandangan, perasaan dan fikiran mereka menerusi buku - yang tidak dapat dikemukakan mereka dalam wahana cetak lain atau medium elektronik.

Dengan demikian buku menjadi wadah yang dapat memberi sumbangan terhadap kematangan politik dan kestabilan sosial. Tanpa buku, sektor perdagangan, industri dan perniagaan tidak mungkin dapat bertahan, lebih-lebih lagi dalam era teknologi yang memerlukan dokumentasi bercetak sebagai landasan untuk menerokai bidang lain.

Buku menyampaikan maklumat kompleks daripada alat audio visual. Ketika membaca buku, seseorang itu menggunakan tumpuan dan fikiran-nya dengan lebih teliti berbanding ketika mendengar radio, menonton filem atau televisyen.

Buku menyediakan pendidikan lebih mendalam berbanding alat media lain. Buku juga mempunyai nilai alat media yang boleh berdiri sendiri dengan nilai dalamnya.

Apabila radio diperkenalkan di Amerika pada 1920-an, ramalan menyatakan bahawa habislah buku. Masa orang membaca buku akan digantikan dengan masa mendengar radio.

Ramalan yang sama muncul apabila televisyen diperkenalkan 50 tahun kemudiannya. Namun buku tetap buku. Sifatnya yang mudah guna dan mudah alih menyukarkan medium lain untuk menyingkirkannya

daripada perhatian manusia.

Pada dekad 60-an, seorang sarjana Kanada, Marshall McLuhan pernah meramalkan bahawa buku akan mati, digantikan dengan alat berteknologi baru yang memainkan peranan seperti buku. Di Indonesia, majalah *Tempo* pernah menyatakan bahawa buku akan kiamat pada awal dekad 90-an.

Kita kini berada pada alaf baru. McLuhan sudah lama mati sedangkan buku masih segar-bugar menebarkan sayapnya di alam pembacaan kita. Untuk menjadikan fungsinya sebagai ejen pembangunan negara berkesan, buku yang diterbitkan perlulah mengambil kira kepentingan dan keperluan negara.

Buku itu perlu mempunyai latar belakang tempatan dan menggambarakan persekitaran negara itu sendiri. Bagaimanapun, ini tidak bermakna pengimportan buku tidak perlu.

Buku yang diimport mempunyai peranan untuk memastikan rakyat mendapat maklumat terkini mengenai pemikiran dan budaya masyarakat lain di dunia.

Pembangunan dan perubahan sosial tempatan hanya dapat digerakkan oleh pengarang, pereka bentuk dan penerbit yang harus menerbitkan buku berdasarkan keperluan negara. Inilah tugas penting yang harus dipikul oleh mereka.

Sikap kebanyakan masyarakat di nusantara sehingga hasrat untuk membudayakan pembacaan tidak pernah kesampaian.

Mungkin cuaca di rantau kita ini panas dan tidak selesa untuk membaca sedangkan cuaca di negara yang rakyatnya banyak membaca itu dingin sehingga mereka selesa membaca.

Pena lebih tajam daripada pedang mungkin sudah tidak relevan. Barat sudah lama belajar, sejak zaman Guttenberg lagi bahawa penerbitan, menerusi percetakan, yang dapat menakluk dunia.

**Penulis adalah Pensyarah
Jabatan Pengajian Media, Fakulti
Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya**